

**Mkini diberikan pas media AGM Umno
Malaysiakini.com
October 21, 2010**

Buat kali pertama, Umno akhirnya mengeluarkan pas media kepada *Malaysiakini* bagi membolehkan wartawannya membuat liputan sempena perhimpunan agung parti itu.

Bagaimanapun, hanya dua pas dikeluarkan kepada portal berita bebas itu walaupun sebanyak 15 permohonan dibuat untuk empat seksyen berlainan bahasa dan laman videonya.

Difahamkan beberapa lagi akhbar dalam talian turut diberikan pas yang sama pagi ini.

Bagaimanapun, bagi media arus perdana, difahamkan hampir kesemua yang membuat permohonan telah diberikan pas berkenaan.

Semakan dengan sekretariat Umno memberikan gambaran tiada lagi pas media akan dikeluarkan kepada *Malaysiakini*.

Pas itu diperoleh apabila insiden terbabit dilaporkan beberapa media semalam. Manakala Ketua Pemuda Khairy Jamaluddin pula berkata akan membangkitkan isu itu dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno malam tadi.

Semalam, lapan wartawan *Malaysiakini*

diminta keluar dari bilik media di perhimpunan agung Umno kerana tidak memiliki pas media yang dikeluarkan oleh sekretariat parti itu.

Semua mereka diberitahu tidak dibenarkan menggunakan kemudahan bilik media oleh seorang pegawai sekretariat perhimpunan itu, seperti diarahkan oleh setiausaha agung

Menurut pegawai terbabit, arahan tersebut dikeluarkan terus dari setiausaha agung Umno.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/145990>